

**PELAKSANAAN SEKOLAH DALAM MELINDUNGI MASA
INSTRUKSIONAL DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH MUAR JOHOR.**

SYAAINNURDIYA BINTI SAHAID

Laporan Projek Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

2013

Dedikasi

Teristimewa untuk ibubapa En. Sahaid bin Ahmad dan Pn. Norjiah Nawawi

serta

ibubapa mertua Tn. Hj. Mohamad bin Masruri dan Pn. Hjh Azizah binti Talib yang

sentiasa

mendoakan kejayaan dan kebahagiaanku.

Buat suami tercinta, Hafiz Fahmi bin Mohamad yang sama-sama mengharungi cabaran dalam mengejar impian untuk menggengam segulung ijazah Sarjana ini,

kesabaranmu benar-benar membuatkan ku terharu.

Tidak lupa buat anaku yang tersayang

Naufal Azizi bin Hafiz Fahmi yang banyak berkorban ketika ibu sibuk menyiapkan

tugasan dan mengulangkaji pelajaran.

Juga

Pensyarah-Pensyarah Fakulti Pendidikan, UTM.

dan rakan-rakan yang membantu.

Penghargaan

Bersyukur ke hadrat Allah yang Maha Esa kerana dengan limpah dan izinNya projek ini dapat disempurnakan. Saya dengan seikhlas hati ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khususnya kepada penyelia, PM Dr. Hj. Mohd Anuar bin Abdul Rahman atas segala bimbingan, teguran, tunjuk ajar, nasihat dan panduan yang telah dihulurkan sepanjang tempoh penyelidikan projek ini dijalankan. Ribuan terima kasih kerana terus memberi nasihat, teguran dan bimbingan tanpa jemu-jemu sehingga projek ini sempurna dilaksanakan.

Penghargaan juga diberikan kepada kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Johor, Pejabat Pelajaran Daerah Muar, para Guru Besar, sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini dan juga kepada guru-guru yang sudi memberi kerjasama dan maklumbalas. Akhir sekali kepada rakan-rakan yang sentiasa membantu dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa kepada warga SK Bakri Batu 5, Muar terutamanya Tuan Guru Besar, Pn. Hjh Maznah bt. Amir yang banyak memberi semangat dan dorongan dalam menyiapkan projek ini.

Semoga ALLAH membalas segala jasa dan kerjasama yang dihulurkan. Harapan saya agar hasil kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua.

Terima kasih.

ABSTRAK

Kementerian Pendidikan Malaysia sangat mementingkan pengurusan masa instruksional guru. Kajian ini membincangkan pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional di sekolah kebangsaan. Tahap pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional diukur berdasarkan empat elemen dalam Pelan Tindakan MMI Kementerian Pendidikan Malaysia 2013. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif berbentuk kuantitatif yang mana melibatkan 134 orang sampel. Kajian rintis telah dijalankan bagi menentukan tahap kebolehpercayaan soal selidik dan hasilnya menunjukkan *Alpha Cronbach* 0.883. Soal selidik ini berada pada tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang ditadbir oleh guru-guru di 11 buah sekolah daerah Muar, dianalisis menggunakan *Statistic Package For the Social Sciences* (SPSS). Kajian ini cuba merungkai persoalan yang telah dikemukakan tentang tahap pelaksanaan sekolah, elemen dan strategi utama dalam melindungi masa instruksional. Selain itu juga kajian ini juga ingin melihat akan perbezaan pelaksanaan sekolah dalam MMI berdasarkan jantina guru besar, bilangan guru dan gred sekolah, serta hubungan pelaksanaan sekolah dengan strategi yang berdasarkan tiga jenis strategi iaitu pelaksanaan guru ganti, pengurusan bilik darjah dalam kalangan guru dan murid adalah diharapkan kajian ini akan memberi manfaat kepada para guru besar dalam usaha mereka melindungi masa instruksional bagi memastikan kemenjadian murid dapat direalisasikan seterusnya dapat meningkatkan prestasi sekolah.

ABSTRACT

Ministry of Education is concerned with the management of teachers' instructional time . This study discusses the performance of schools in protecting instructional time in primary school . The level of school performance in protecting instructional time is measured based on the four elements of the Action Plan MMI Ministry of Education 2013. The study was conducted using a quantitative descriptive statistics which involves 134 samples. The results obtained from a questionnaire administered by teachers in 11 schools in Muar , analyzed using Statistic Package For the Social Sciences (SPSS) . This study attempts to answer the questions about the implementation of the school, elements and major strategies in protecting instructional time . In addition , this study also would like to see differences in the MMI school teachers based on gender , number of teachers and school grades , relationships between school performance and major strategies based on three types of implementation strategies substitute teachers , classroom management among teachers and pupils are hopefully this study will be beneficial to the teachers in their efforts to protect instructional time to ensure student excel to realize eventually improve the school .

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	12
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Hipotesis Kajian	14
	1.7 Rasional Kajian	15
	1.8 Skop dan Batasan Kajian	16
	1.9 Kepentingan Kajian	17

1.10	Kerangka Konsep Kajian	18
1.11	Definisi Istilah	
1.11.1	Pelaksanaan Sekolah	19
1.11.2	Masa Instruksional	19
1.11.3	Strategi Melindungi Masa Instruksional	20
1.12	Penutup	21
2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pendahuluan	22
2.2	Konsep Masa Instruksional	23
2.3	Gangguan Masa Instruksional	24
2.4	Tanggungjawab dan beban tugas guru di sekolah	26
2.5	Pemerhatian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) tentang Guru Meninggalkan Bilik Darjah(GMBD)	27
2.6	Panduan Melindungi Masa Instruksional Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Dasar Pelaksanaan Pelan Tindakan Melindungi Masa Instruksional (MMI) Tahun 2013	31
2.6.1	Panduan Pelaksanaan MMI KPM Tahun 2013	32
2.6.2	Pelan Tindakan MMI KPM Tahun 2013	33
2.7	Kerangka Model MMI KPM Tahun 2013	35
2.7.1	Peranan Guru Besar melalui Kepimpinan Instruksional	36
2.7.2	Guru Mengajar (Pengajaran Guru di dalam Bilik Darjah)	39
2.7.3	Murid belajar (Pembelajaran murid di dalam Bilik Darjah)	40
2.8	Peranan Sekolah dalam Melaksanakan Dasar MMI KPM 2013	41

2.9	Kesimpulan	42
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	43
3.2	Rekabentuk Kajian	43
3.3	Lokasi Kajian	45
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	45
3.5	Instrumen Kajian	47
	3.5.1 Bahagian A: Demografi Responden	48
	3.5.2 Bahagian B: Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah	49
	3.5.3 Bahagian C: Kepimpinan Instruksional	49
	3.5.4 Bahagian D: Keberkesanan Guru Mengajar	49
	3.5.5 Bahagian E: Kemenjadian Murid	50
	3.5.6 Bahagian F: Strategi Melindungi Masa Instruksional	50
3.6	Kajian Rintis	50
3.7	Proses Kajian	51
3.8	Analisis Data	52
	3.8.1 Analisis Deskriptif	53
	3.8.2 Analisis Inferensi	54
	3.8.2.1 Ujian $-t$ (t-Test)	54
	3.8.2.2 Anova Sehalu	55
	3.8.2.3 Korelasi <i>Pearson</i>	55
3.9	Kesimpulan	56
4	DAPATAN DAN ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	57

4.2	Demografi	58
4.3	Analisis Berdasarkan Persoalan Kajian	61
4.3.1	Tahap Pelaksanaan Sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional	61
4.3.2	Elemen Utama Pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional di Sekolah	62
4.4	Analisis Berdasarkan Hipotesis Kajian	77
4.4.1	Perbezaan Pelaksanaan Sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional Berdasarkan jantina guru besar, bilangan Guru dan Gred Sekolah	77
4.4.2	Hubungan antara Pelaksanaan Sekolah dengan Strategi Melindungi Masa Instruksional	82
4.8	Kesimpulan	82
5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	84
5.2	Rumusan	85
5.3	Perbincangan Hasil Kajian	89
5.3.1	Pelaksanaan Sekolah Dalam Melindungi Masa Instruksional	89
5.3.2	Strategi Utama Dalam Melindungi Masa Instruksional	94
5.3.3	Pelaksanaan Sekolah menjayakan Strategi Melindungi Masa Instruksional	95
5.3.4	Perbezaan Pelaksanaan Sekolah Berdasarkan Jantina Guru Besar, Bilangan Guru dan Gred Sekolah	96
5.4	Cadangan Kajian	99
5.4.1	Cadangan kajian	99

5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	101
5.5	Penutup	102
	RUJUKAN	103
	LAMPIRAN	106

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kategori Masa Instruksional Sekolah	23
2.2	Jenis Gangguan Masa Instruksional	25
2.3	Dapatan Awal Eksperimental Menangani Beban Tugas Perkeranian Guru Tahun 2011	27
2.4	Analisis Pemerhatian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Bulan Mac Hingga Oktober 2012	30
3.1	Sekolah dalam persampelan kajian	46
3.2	Format Borang Soal Selidik	48
3.3	Senarai Skala Likert Soal Selidik Penentuan Tahap Nilai Skor Min	48
3.4	Pekali Alpha Cronbach	51
3.5	Jadual Kaedah Analisis Data Statistik Berdasarkan Objektif kajian	52
3.6	Tafsiran Julat Nilai Min	53
3.7	Kriteria dan Keputusan	54
3.8	Pembolehkan dan kategori	55
3.9	Interpretasi Nilai Korelasi	56
4.1	Maklumat Demografi Responden	58
4.2	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pelaksanaan Sekolah	62
4.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Pelaksanaan Sekolah Mengikut Elemen dan Pengurusan Sekolah	63

4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah	64
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Kepimpinan Pengajaran (instruksional)	67
4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Keberkesanan Guru Mengajar	69
4.7	Skor Min dan Sisihan Piawai Kemenjadian Murid	71
4.8	Skor Min dan Sisihan Piawai Strategi melindungi masa Instruksional	73
4.9	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Pelaksanaan Guru Ganti di Sekolah	73
4.10	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Strategi Pengurusan Bilik Darjah Dalam Kalangan Guru	74
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Item Strategi Pengurusan Bilik Darjah dalam Kalangan Murid	76
4.12	Analisis Perbezaan pelaksanaan Sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional Berdasarkan Jantina Guru Besar	78
4.13	Skor Min, Sisihan Piawai dan Nilai Signifikan Pelaksanaan Sekolah Berdasarkan Bilangan Guru	79
4.14	ANOVA antara kumpulan Gred Sekolah	80
4.15	Post Hoc Tukey Perbezaan Pelaksanaan Sekolah Dalam Melindungi Masa Instruksional Berdasarkan Gred Sekolah	81
4.16	Hubungan Antara Pelaksanaan Sekolah dengan Strategi MMI	82

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Konsep Kajian	18
2.1	Carta Alir Proses Kerja Pemerhatian GMBD JNJK 2012	29
2.2	Kerangka Model MMI KPM 2013	36
2.3	Kerangka Kepimpinan Instruksional	37
2.4	Komponen Pengajaran Dalam Bilik Darjah	39

SENARAI SINGKATAN

GMBD	-	Guru Meninggalkan Bilik Darjah
GPS	-	Gred Purata Sekolah
IAB	-	Institut Aminudin Baki
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
MMI	-	Melindungi Masa Instruksional
PdP	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SOP	-	Sektor Operasi Sekolah
SPI	-	Surat Pekeliling Ikhtisas
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemajuan era globalisasi hari ini seakan mencabar kewibawaan sistem pendidikan di Malaysia. Atas desakan ini, kerajaan sangat prihatin tentang perkembangan sistem pendidikan negara agar selari dengan kepesatan dunia tanpa sempadan. Selain itu, pembangunan modal insan dilihat penting dalam pembangunan negara. Faktor pendidikan menjadi isu pokok dalam membincangkan pembangunan modal insan. Pelbagai cara dan pendekatan yang telah diterapkan dalam sistem pendidikan negara hari ini, demi untuk menjamin keberhasilan generasi akan datang bagi menyediakan pelapis kepimpinan dan para cerdik pandai yang akan memimpin dan membangunkan negara pada masa akan datang.

Baru-baru ini, telah dilancarkan laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Laporan ini telah menggariskan 6 aspirasi murid yang perlu dijana bagi keperluan setiap murid agar dapat bersaing dalam kepesatan dan ketinggian pengetahuan manusia hari ini. Aspirasi tersebut adalah pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional. Maka dengan adanya aspirasi murid ini, ianya boleh menjadi rujukan kepada warga pendidik tentang sejauhmana murid pada hari ini menepati keenam-enam aspirasi tersebut. Aspirasi ini menjelaskan kepada warga pendidik tentang keperluan kualiti dalam melahirkan modal insan bermula dari pendidikan awal hinggalah ke peringkat menengah. Ini kerana, peringkat ini

merupakan tempoh paling diperlukan oleh seseorang individu dalam membina jati diri dan membangunkan pengetahuan mereka.

Menyedari akan keperluan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka dan melaksanakan pelbagai agenda transformasi pendidikan. Dasar, sistem, program dan aktiviti telah dirangka sangat menuntut komitmen para guru dalam melaksanakannya. Fokus utama agenda transformasi pendidikan banyak mengarah kepada kurikulum dan pengajaran guru. Ini kerana bidang ini dilihat memberi impak yang sangat besar dalam pemantapan pendidikan hari ini. Sebagai contoh, Kementerian Pelajaran Malaysia sangat menggalakkan aktiviti inovasi dalam pengajaran guru, mengiktiraf kerja guru dengan mewujudkan jawatan “Guru Cemerlang”, mengadakan seminar dan pembentangan kertas-kertas berkaitan pengurusan kurikulum dan sebagainya. Semua ini merupakan antara langkah kerajaan dalam meneruskan agenda memantapkan sistem pendidikan negara.

Walaupun bagaimanapun, usaha ini tidak akan membuahkan hasil sekiranya pihak sekolah tidak jelas tentang peranan utama mereka. Apabila kita berbincang soal peranan sekolah, maka kita sedia maklum bahawa tanggungjawab ini terpikul atas bahu guru besar sebagai pemimpin instruksional. Kepimpinan instruksional dilihat dapat mempengaruhi perkembangan bidang pedagogi iaitu sains pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa mengalami perubahan yang dinamik, positif dan relevan dalam menghadapi cabaran-cabaran hasil daripada dunia yang sentiasa berubah bagi menghasilkan *outcome* sejajar dengan kehendak kumpulan sasaran dalam sistem pendidikan untuk melahirkan murid yang berdaya saing dan berkualiti serta dapat menempa sejarah yang unggul serta mampu mencapai kejayaan cemerlang ke tahap terbilang (Abas Awang dan Abdullah Ngah, 2007).

Menyedari hakikat kepentingan pendidikan, kerajaan semakin rancak untuk merancang dan melaksanakan pelbagai dasar bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara dan mampu menyamai sistem pendidikan bertaraf dunia. Dalam merangka dasar-dasar baru sistem pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia khasnya sedar akan isu kemenjadian murid merupakan isu yang diberi perhatian dan perbincangan dalam kalangan ibu bapa, pemimpin dan para pendidik. Hal ini adalah bergantung

kepada kemantapan pengajaran guru di sekolah. Namun harus diingat, kemajuan dan kejayaan sekolah sangat bergantung kepada corak kepimpinan yang dihasilkan oleh guru besar. Kepelbagaian gaya kepimpinan yang diamalkan oleh guru besar, tetapi dalam usaha memantapkan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum di sekolah kepimpinan pengajaran (instruksional) adalah kunci utama. Menurut Sufa'at Tumin (2013), kepimpinan instruksional merupakan adunan daripada pelbagai tugas sebagai pencerapan di bilik darjah, pembangunan staf dan pembangunan kurikulum. Peranan guru besar sebagai pemimpin instruksional adalah memberi tumpuan kepada arahan, tunjuk ajar, memanfaatkan dan mengoptimumkan masa PdP dan menyusun semula sumber yang menyokong program sekolah dalam mencipta iklim yang integriti.

Peranan guru besar sebagai pemimpin instruksional adalah mewujudkan iklim pembelajaran di sekolah. Peranan ini berfungsi sebagai pelindung waktu PdP. Menurut Sufa'at Tumin (2013), pemimpin sekolah yang mempunyai ciri kepimpinan instruksional dalam komponen melindungi masa instruksional mempunyai hubungan positif dengan peningkatan pencapaian akademik murid. Nyatalah di sini, dalam melaksanakan dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia, kepimpinan instruksional yang melindungi masa instruksional sangat menjurus ke arah pencapaian akademik seterusnya dapat merealisasikan kemenjadian murid yang menjadi fokus utama bidang pendidikan hari ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Masa instruksional merupakan isu yang mula mendapat perhatian dari pihak pentadbir sekolah mahupun pihak pentadbir atasan bidang pendidikan sejak muktahir ini. Masa instruksional sebenarnya merupakan salah satu cabang dalam kepimpinan instruksional yang perlu diambil perhatian secara terperinci dalam kalangan guru besar selaku pentadbir sekolah. Jika kita lihat senario hari ini, guru-guru tidak begitu mengambil berat konsep dan kepentingan melindungi masa instruksional dalam pelaksanaan pengajaran mereka, sedangkan ianya merupakan amalan rutin profesion perguruan yang sentiasa perlu ditambahbaik.

Melindungi masa instruksional salah satu komponen fungsi pemimpin instruksional dalam menjayakan pembelajaran secara berkesan di sekolah. Pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional dapat memastikan keberhasilan pembelajaran murid di sekolah. Menurut James Ang Jit Eng dan Balasandra Ramiah (2012), guru besar sebagai pemimpin instruksional perlu memberi tumpuan kepada tunjuk ajar, berkongsi bersama dalam membuat keputusan, memelihara dan mempertahankan perkara-perkara asas, memanfaatkan dan mengoptimumkan masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan sentiasa tampak di sekolah. Namun begitu, kepimpinan sekolah masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pemimpin pengurusan dan pemimpin pengajaran (instruksional) yang berkesan. Pemimpin perlu bertindak secara proaktif bagi menggerak dan merangsang orang lain untuk bertindak, terutamanya dalam hal melindungi masa instruksional. Guru besar sebagai tonggak utama sekolah harus memastikan keberadaan guru dapat menghasilkan pembelajaran yang berkualiti. Pemimpin mungkin memiliki segala idea dan wawasan untuk kemajuan dan kecemerlangan sekolah, tetapi jika tindakan tidak diambil atau dilaksanakan, tiada apa yang boleh dihasilkan. Maka guru besar seperti ini, tidak menjalankan perannya sebagai pemimpin instruksional dan mereka bukanlah dari kalangan pemimpin berkesan.

Guru dalam era pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ini, perlu memaksimumkan penggunaan waktu pembelajaran murid agar selari dengan keperluan ibubapa, masyarakat dan Kementerian Pelajaran. Melindungi masa instruksional merupakan elemen penting yang bagi meningkatkan pencapaian murid seterusnya prestasi sekolah. Penggunaan masa instruksional yang berkesan dapat menjamin keberkesanan pengajaran guru seterusnya memberi impak terhadap kemenjadian murid. Dalam hal ini, Guru Besar selaku pentadbir utama di sekolah memainkan perannya dalam memberi kefahaman kepada guru, memantau sesi pengajaran dan pembelajaran di kelas agar masa pengajaran itu dimaksimumkan penggunaannya dengan pengajaran yang berkesan.

Hari ini, guru dibebani tugas pengkeranian, menghadiri kursus, bengkel atau seminar, mengiring pelajar ke pertandingan dan sukan serta pelbagai lagi aktiviti luar yang mendesak guru meninggalkan tugas utamanya untuk berada di dalam kelas

pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga merupakan kekangan dalam usaha untuk melindungi masa instruksional. Menurut Normah Mohamed Razali (2007), terdapat beberapa gangguan yang dikenal pasti telah menjadikan masa instruksional kurang berkesan. Selain itu juga, menurut Sufa'at Tumin (2013) terdapat dua faktor gangguan masa instruksional iaitu faktor pengurusan sekolah dan faktor instruksional guru. Dalam hal ini, pemimpin sekolah dan guru perlu memberikan tumpuan mereka dalam usaha melindungi masa instruksional untuk meningkatkan kualiti pembelajaran murid. Selaku pemimpin sekolah, maka guru besar tidak boleh lari dalam menyelesaikan isu ini yang dikira sangat penting untuk ditangani dengan cara yang berkesan dan sistematik. Usaha dan strategi yang dijalankan oleh seseorang guru besar itu, sangat bergantung pada kemahiran kepimpinan instruksional yang mereka ada.

Dalam usaha mewujudkan kepimpinan instruksional yang berkesan, pengetua dan guru besar seharusnya mampu mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, mengutamakan aktiviti peningkatan profesionalisme untuk semua tenaga pengajar secara berterusan disamping menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam kalangan guru agar standard dan kualiti pengajaran sentiasa berada di tahap yang tinggi (Abas Awang dan Abdullah Ngah, 2007). Ini semua adalah antara tugas kepimpinan instruksional dalam melindungi masa instruksional. Kementerian juga telah mengambil langkah yang pelbagai dalam memastikan para guru besar itu sendiri memahami akan konsep kepimpinan instruksional sebagai tanggungjawab mereka dalam melindungi masa intruksional. Tanpa kefahaman tentang kepimpinan instruksional guru besar tidak dapat menjelaskan peranannya dalam membentuk iklim pengajaran yang berkesan. Menurut Abas Awang dan Abdullah Ngah (2007), kepimpinan sekolah ternyata masih tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pemimpin pengurusan dan pemimpin pengajaran atau *Instructional Leadership* yang berkesan (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, 2006). Guru besar dilihat mempunyai peranannya dalam menggerakkan barisan pelaksana dasar iaitu dalam kalangan guru-guru untuk menyediakan kaedah dan strategi yang berkesan dalam memastikan penggunaan masa instruksional murid di kelas pembelajaran tidak sia-sia. Untuk memastikan usaha ini dapat direalisasikan, peranan Guru besar dalam membangunkan profesionalisme perguruan terutamanya

melalui latihan dalam perkhidmatan, *team teaching* dan sebagainya dilihat antara langkah yang boleh disarankan.

Walaupun bagaimanapun, persoalan yang timbul adalah sejauhmana seseorang guru besar itu menggunakan kemahiran instruksional yang mereka ada bagi melindungi masa instruksional agar Pelan Tindakan Melindungi Masa Instruksional yang telah dirangka oleh Kementerian Pelajaran Malaysia baru-baru ini yang mahukan warga pendidik kembali kepada yang asas, guru mengajar, murid belajar dapat terlaksana dengan jayanya. Oleh yang demikian, guru besar mempunyai peranannya yang tersendiri dalam memastikan perkara ini berlaku. Masa instruksional adalah isu pokok dalam usaha meningkatkan penguasaan ilmu dalam kalangan murid-murid yang datang dari pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang. Pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan generasi muda kita mendapat pendidikan yang benar-benar berkesan perlu sedar bahawa kadang kala terdapat ibubapa yang menyerahkan tugas mendidik anak hanya kepada guru semata-mata. Seharusnya pihak sekolah perlu menyedari akan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan agar murid-murid mendapat didikan yang sempurna dan berkesan di dalam pengajaran guru di sekolah. Untuk itu, di sinilah letaknya kepentingan masa instruksional dilindungi sebagai salah satu langkah dalam menunaikan amanah ibubapa terhadap para guru.

Melindungi masa instruksional mula mendapat perhatian dalam kalangan pemimpin tertinggi di Kementerian Pelajaran. Dalam Mesyuarat Pengurusan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Bil. 6/2012 (KPM, 2013), telah menyatakan salah satu fokus yang perlu diberi perhatian oleh semua sekolah adalah memastikan guru berada dalam bilik darjah (guru mata pelajaran atau guru ganti) semasa proses PdP bagi melindungi waktu pembelajaran murid. Menurut Mohd Suhaimi *et al.* (2013), terdapat sejumlah guru yang tidak hadir ke sekolah atau guru tidak masuk ke kelas semasa waktu PdP berlangsung. Bilangan mereka yang terlibat cukup besar dan hal ini sangat membimbangkan. Dapatan ini adalah hasil Pemerhatian Guru Meninggalkan Bilik Darjah (GMBD) semasa proses pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Ketidakhadiran guru bukanlah satu isu baru. Ketiadaan guru di bilik darjah bertentangan dengan arahan

KPM melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 2/1981: Ketepatan Masa di sekolah-sekolah. Ketepatan masa di sini bermaksud seorang guru hendaklah mengikut jadual pengajarannya dan tidak boleh meninggalkan kelasnya atau kawasan sekolah sebelum masanya.

Hal ini juga merupakan kekangan dalam usaha untuk melindungi masa instruksional. Menurut Sufa'at Tumin (2013) terdapat masa instruksional telah mengalami pengurangan tanpa disedari disebabkan beberapa gangguan masa instruksional. Selain itu, Normah Mohamed Razali (2007) mengatakan, terdapat gangguan masa instruksional di sekolah pada tahap yang sederhana. Hal ini membawa kepada kebimbangan dalam kalangan pimpinan atasan KPM dan rentetan itu, Sektor Operasi Pendidikan KPM telah mengarahkan agar semua sekolah melaksanakan Pelan Tindakan Melindungi Masa Instruksional melalui surat arahnya bertarikh 15 Januari 2013.

Jika kita lihat secara amnya, pemimpin sekolah telah merancang jadual waktu persekolahan mengikut pekeliling yang telah diarahkan, walaubagaimanapun, persoalan timbul berkaitan penggunaan waktu yang diperuntukkan untuk pembelajaran itu samaada benar-benar dimanfaatkan dalam sesi pembelajaran ataupun sebaliknya. Selain itu, pencapaian objektif pembelajaran menurut hasil yang ditetapkan dalam sukatan kurikulum juga dipersoalkan oleh sesetengah pihak misalnya ibubapa ataupun pentadbir sekolah. Dalam hal ini, dapat dijelaskan di sini bahawa sesi pengajaran guru perlu ditentukan samaada ianya berkesan ataupun tidak bagi memungkinkan semua murid dapat mengaplikasikan isi pelajaran yang diajar dalam sesi PdP itu. Pemimpin instruksional tidak dapat tidak mempunyai peranannya dalam menyelesaikan persoalan ini. Ianya penting dalam meningkatkan keberkesanan pengurusan bilik darjah seseorang guru itu. Menurut Rahinun Mohd Noor (2013), KPM perlu memastikan PdP dapat dilaksanakan tanpa halangan untuk mencapai objektif yang disasarkan. Ini bermaksud setiap pengajaran guru itu, perlu dipastikan keberkesanannya terhadap murid agar peruntukan waktu yang diberikan, digunapakai dengan sebaik-baiknya. Menurut Ghazali Kassim (2013), pengurusan bilik darjah yang lemah menyebabkan masa instruksional terbuang begitu sahaja. Jelaslah di sini tahap penggunaan masa instruksional yang maksimum ditentukan

oleh pengurusan bilik darjah yang berkesan. Peranan guru besar sebagai pemimpin instruksional dalam hal pengurusan bilik darjah sangat menyumbang ke arah yang positif.

Untuk itu, tindakan guru besar dalam melaksanakan melindungi masa intruksional sangat relevan sebagai penyelesaian kepada isu gangguan masa intruksional. Diantara pelaksanaan yang telah dilaksanakan kebanyakan sekolah adalah modul pengajaran guru ganti, pencerapan masa instruksional, penerangan tentang melindungi masa instruksional dan pengawalan masa instruksional dan sebagainya. Penekanan dalam pelaksanaan sekolah melindungi masa instruksional juga sangat berkait rapat dengan inisiatif yang dirangka oleh pihak pentadbir sekolah dalam hal melindungi masa instruksional. Masalah ketiadaan guru atas sebab tuntutan tugas di luar, cuti atau sebagainya antara isu yang sering diperkatakan oleh ibubapa pada hari ini. Atas isu inilah, maka pelaksanaan sekolah sangat diperlukan dalam merangka inisiatif yang sesuai untuk diguna pakai agar masalah ketiadaan guru atas sebab-sebab ini tidak memberi kesan negatif dalam usaha pihak sekolah melindungi masa instruksional seterusnya langkah ke arah kemenjadian murid tidak disia-siakan.

Aspek pengurusan pihak sekolah dalam menguruskan cuti guru-gurunya, pengurusan aliran keluar masuk guru dan sebagainya perlu diambil perhatian. Ini penting kerana selaku guru besar, mereka mempunyai hak dalam menentukan aliran keluar guru-guru sama ada untuk tuntutan tugas luar ataupun cuti. Satu kertas kerja telah dilaksanakan untuk mengkaji isu ketiadaan guru di sekolah kerana menghadiri kursus dibawah kendalian KPM, JPN dan PPD (Melindungi Masa Instruksional , 2013) . Menurut kertas kerja tersebut, analisis yang telah dibuat mengkaji kekerapan guru meninggalkan sekolah bagi menghadiri kursus atau mesyuarat bermula Januari adalah sebanyak 7 ke 10 kali setahun. Terdapat juga dalam kalangan guru yang keluar meninggalkan sekolah sehingga 4 minggu dalam setahun. Analisis ini membuktikan kebimbangan ibubapa terhadap isu ketidakberadaan guru di sekolah adalah berasas sama sekali.

Selain daripada itu, Guru besar seharusnya lebih bijak dalam menangani isu ini. Program-program yang bersifat inovatif sangat diperlukan bagi menjadikan usaha melindungi masa instruksional ini berlaku seperti yang diharapkan. Maka, seharusnya Guru besar perlu kreatif menangani isu ini. Guru besar perlu menggalakan guru-gurunya melaksanakan kajian tindakan ke atas proses PdP mereka agar dapat memaksimumkan penggunaan masa instruksional. Selain itu, Guru besar juga perlu rasa bertanggungjawab dalam memastikan PdP masih lagi berlangsung dengan jayanya walaupun dengan penggunaan guru ganti. Isu di sini, terdapat kebanyakan Guru besar kurang menceraap PdP guru ganti atau guru relief, sedangkan masalah ketiadaan guru diselesaikan dengan penggunaan guru ganti. Walaubagaimanapun, guru yang dipertanggungjawabkan itu, tidak dapat dipastikan samaada dapat menjalankan PdP seperti yang diharapkan atau tidak. Sebagai pemimpin instruksional, guru besar seharusnya memastikan guru-guru mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang pengajaran mereka. Untuk itu, guru-guru perlu digalakkan untuk meningkatkan profesionalisme keguruan mereka terutama dari aspek pengurusan PdP.

Penggunaan sumber-sumber pengajaran yang berkualiti tinggi bagi menjamin keberkesanan pengajaran dan dapat menghasilkan *output* yang berkualiti iaitu kemenjadian murid. Kesediaan guru melaksanakan pengajaran berkesan merupakan isu yang harus dikaji. Hal ini sangat bergantung kepada pelaksanaan sekolah yang dipengaruhi oleh peranan guru besar dalam menyediakan prasarana dan kemudahan bagi tujuan pengajaran berkesan. Sebagai contoh penggunaan ICT dalam pengajaran. Hal ini sangat penting untuk difokuskan oleh pihak pentadbir sekolah agar prasarana dan kemudahan ICT berfungsi sepenuhnya supaya penggunaan ICT dapat diteruskan oleh guru kerana ICT merupakan salah satu pendekatan ke arah pengajaran berkesan. Faktor kemenjadian murid yang telah diperkatakan sebelum ini, bertitik tolak kepada amalan pengajaran yang berkesan.

Antara pelaksanaan pengajaran berkesan dalam kalangan guru adalah seperti guru pembimbing (*mentoring*), amalan *team teaching*, pengurusan pengetahuan dalam kalangan guru, penggunaan bahan bantu mengajar dan sebagainya. Walaubagaimanapun, kebanyakan guru hari ini kurang mengamalkan-

amalan tersebut atas sebab-sebab kekangan waktu dan kurangnya inisiatif mereka untuk mengamalkannya. Maka dengan itu, guru besar selaku pemimpin instruksional yang seharusnya menggalakkan amalan-amalan ini berlaku melalui latihan dalam perkhidmatan, *in-house training* dan sebagainya. Tanpa disedari perkara ini sebenarnya merupakan faktor penyumbang ke arah keberkesanan masa instruksional itu sendiri. Kebanyakan kepimpinan instruksional kurang menekankan aspek pengurusan kelas dan pengurusan PdP. Padahal aspek inilah yang benar-benar memberi impak dalam sistem pendidikan di Malaysia. Majoriti dalam kalangan guru besar sangat mengejar gelaran untuk sekolah mereka seperti Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Tawaran Baru (*New Deal*) dan sebagainya namun mereka lupa akan kemahiran pengajaran guru sangat perlu untuk digilap agar mereka sentiasa berada dalam momentum yang maksima demi kebaikan murid khususnya serta peningkatan tahap profesionalisme guru amnya.

Selain daripada itu, kebanyakan sekolah mengalami masalah ketiadaan guru atau kekurangan guru. Menangani masalah ini samada atas urusan rasmi atau sebaliknya, semua sekolah mengamalkan sistem pengurusan guru ganti sebagai langkah penyelesaian. Strategi dan kaedah yang digunakan hampir sama iaitu dengan menggantikan guru yang tidak ada kelas untuk masuk ke kelas guru yang bercuti. Menurut Zakaria Othman (2013), terdapat masalah dalam proses menyediakan guru ganti sebagai contoh, guru ganti mempunyai kecenderungan untuk masuk lewat, keluar awal dan hanya sekadar menjenguk atau tidak masuk ke kelas yang telah ditetapkan. Selain itu, berlaku pembaziran waktu ketika ketiadaan guru mata pelajaran sekiranya guru ganti tiada inisiatif sendiri membuat pengisian waktu dengan aktiviti berfaedah terutama bagi kumpulan murid yang motivasi dalamannya rendah. Maka, proses PdP mata pelajaran berkenaan terputus selama mana guru tersebut tidak hadir. Guru besar juga sukar memantau sama ada guru masuk ke kelas ganti atau tidak.

Kajian-kajian yang lepas banyak membuktikan bahawa terdapatnya korelasi yang besar antara masa pembelajaran dengan pencapaian murid. Untuk itu guru seharusnya mempertingkatkan kualiti pengajaran dengan memperbanyakkan masa penglibatan murid dalam pembelajaran mereka. Keberkesanan PdP sebenarnya dapat

dihasilkan apabila guru dan murid terlibat secara aktif dalam PdP. Guru besar sebagai pemimpin instruksional memainkan peranannya dalam memantau pencapaian akademik murid dan kualiti pengajaran guru. Dengan itu, guru besar dapat mengenalpasti kelemahan pengajaran guru seterusnya dapat mengambil langkah penambahbaikan. Dalam hal ini, guru besar memiliki kemahiran dalam memantau pencapaian akademik murid. Kemahiran instruksional dalam kalangan guru besar sebenarnya telah disampaikan melalui Kursus Kepimpinan Instruksional yang dianjurkan oleh Institut Aminuddin Baki (IAB). Namun, tahap pelaksanaan kemahiran tersebut masih lagi meragukan kerana tidak ada pemantauan khusus berkenaan keberkesanan kursus tersebut. Oleh sebab itu, dalam meningkatkan kepimpinan instruksional guru besar perlu mempersiapkan diri mereka dengan ilmu dan pengisian yang mantap agar dapat memastikan penambahbaikan berlaku dalam pengoperasian sekolah mereka.

Kita sering mengaitkan kemenjadian murid bergantung kepada strategi dan kaedah pengajaran guru. Teori ini telah dibuktikan oleh banyak kajian-kajian pendidikan yang telah dijalankan. Dalam hal ini, keberkesanan pengajaran guru juga merupakan faktor dalam melindungi masa instruksional. Isu keluhan guru terbeban dengan pelbagai tugas dalam memastikan kelancaran organisasi sekolah sangat membimbangkan. Dapatan awal Kajian Eksperimental Menangani Beban Tugas Perkeranian Guru mendapati hanya 11.16 jam seminggu diperuntukkan bagi tugas utama iaitu masa PdP, perancangan PdP, penilaian murid, kokurikulum dan sesi bimbingan luar waktu PdP. Baki jam seminggu adalah diperuntukkan bagi tugas sampingan dan pengkeranian (Sufa'at Tumin, 2013). Jelaslah di sini, bahawa peruntukan masa instruksional berkurangan tanpa disedari. Dapatan ini juga boleh menjelaskan kepada kita akan faktor berlakunya pengabaian masa instruksional dan masalah guru kurang bersedia untuk mengajar. Disebabkan terlalu banyak kerja pentadbiran yang perlu diselesaikan. Maka ini menyebabkan PdP kurang menarik dan tiada kepelbagaian dalam teknik PdP guru yang akan mengakibatkan keberkesanan pengajaran gagal dicapai.

Seseorang guru yang berkesan seharusnya menilai sesi pengajaran mereka. Dalam hal ini, setiap guru melaksanakan refleksi pengajaran mereka sebagai langkah

bagi menjawab persoalan sejauhmana murid mereka benar-benar belajar dan menerima pembelajaran yang dijalankan. Salah satu langkah yang perlu diambil adalah dengan menjalankan *headcount*. Melalui cara ini, guru besar dan guru-guru dapat menilai pengajaran mereka dengan melakukan *post mortem* dan Audit Akademik. Namun sebilangan guru kurang kemahiran dalam menginterpretasikan data *headcount* malah kurang mahir dalam pengurusannya (Pelan Tindakan MMI, 2013). Guru besar berperanan dalam memantapkan kemahiran guru untuk mengendalikan *headcount* agar mereka sedar dan faham akan kepentingannya dalam meningkatkan GPMP dan GPS.

1.3 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan dasar Melindungi Masa Instruksional bermula dengan pemimpin instruksional iaitu guru besar selaku pentadbir dan pengurus sekolah. Masa instruksional bermula dengan pengurusan dan pentadbiran sekolah dalam pembinaan jadual waktu, pengurusan keluar masuk guru, juga pelaksanaan aktiviti kokurikulum. Selain itu, Guru besar berperanan dalam meningkatkan kemahiran kepimpinan instruksional secara sendiri dan dalam kalangan guru-guru di bawah kepimpinannya. Seterusnya Konsep MMI dibantu oleh elemen guru mengajar. Dalam elemen ini, pemantapan strategi pengajaran perlu diperhalusi oleh guru besar melalui pencerapan PdP, pengamalan *team teaching*, menggalakan inovasi pengajaran dan sebagainya. Elemen akhir dalam MMI adalah murid belajar iaitu, keberadaan guru di sekolah menjamin keberkesanan PdP serta meningkatkan keberhasilan murid. Tanpa guru, murid tidak dapat belajar.

Oleh sebab itu, kajian ini mengenal pasti pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional. Ini kerana, masa instruksional mengalami kekurangan tanpa disedari. Hal ini, boleh menjejaskan kualiti pengajaran guru seterusnya menjadikan keberhasilan murid sukar dicapai. Padahal, aspek kualiti pengajaran guru dan keberhasilan pengajaran merupakan kayu pengukur kejayaan sistem pendidikan hari ini. Namun begitu sekiranya pelaksanaan sekolah dalam

melindungi masa instruksional tidak diurus dengan baik, maka pengurusan dan pentadbiran sekolah boleh dikatakan gagal. Gagal sekolah, maka kepimpinan guru besar sebagai pemimpin instruksional juga dianggap gagal.

1.4 Objektif Kajian

Diantara objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengetahui pasti tahap pelaksanaan sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional guru.
- 1.4.2 Mengetahui pasti elemen utama dalam Pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional.
- 1.4.3 Mengetahui pasti strategi utama dalam Melindungi Masa Instruksional.
- 1.4.4 Mengetahui pasti perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional di sekolah berdasarkan jantina guru besar, bilangan kedudukan guru dan gred sekolah.
- 1.4.5 Mengetahui pasti hubungan antara pelaksanaan sekolah dengan strategi Melindungi Masa Instruksional.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada persoalan berikut:

- 1.5.1 Apakah tahap pelaksanaan sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional?

- 1.5.2 Apakah elemen utama dalam Melindungi Masa Instruksional di sekolah?
- 1.5.3 Apakah strategi utama yang diamalkan di sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional?
- 1.5.4 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional di sekolah berdasarkan jantina guru besar, bilangan guru dan gred sekolah?
- 1.5.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan sekolah dengan strategi Melindungi Masa Instruksional?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.6.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional di sekolah berdasarkan jantina Guru Besar.
- 1.6.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional di sekolah berdasarkan bilangan guru.
- 1.6.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional di sekolah berdasarkan gred sekolah.
- 1.6.4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan sekolah dengan strategi Melindungi Masa Instruksional yang dijalankan di sekolah.

1.7 Rasional Kajian

Melindungi Masa Instruksional telah diketengahkan oleh Sektor Operasi Pendidikan (SOP) KPM sebagai *touch point* Kementerian Pelajaran Malaysia tahun 2012. Maka, kajian-kajian tentang amalan melindungi masa instruksional masih belum dilaksanakan oleh para pengkaji. Kebanyakan individu yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan seperti guru atau pegawai di bahagian KPM dan JNJK membentangkan kertas kerja dalam amalan yang dilaksanakan bagi melindungi masa instruksional di sesebuah sekolah. Kajian yang menjurus kepada hal dan isu ini masih belum dibincangkan dan dikaji secara mendalam. Disebabkan itu, tercetuslah kajian ini sebagai pelengkap beberapa kertas kerja mengenai melindungi masa instruksional yang telah dihasilkan sebelum ini.

Hasil kajian ini juga dilihat dapat memberi impak yang berguna kepada sistem pengurusan dan pentadbiran sekolah. Aspek yang dibincang dalam kajian ini sangat diperlukan dan menjamin keberkesanan sistem pendidikan hari ini. Selain itu, kajian ini juga mengemukakan beberapa dapatan yang boleh memberi rujukan kepada pemimpin instruksional khasnya dalam mengatasi gangguan masa instruksional seterusnya dapat melindungi masa instruksional yang menjadi salah satu komponen dalam fungsi guru besar sebagai pemimpin instruksional. Kajian ini berfungsi sebagai rujukan kepada para guru besar selaku pemimpin instruksional berkaitan persepsi guru terhadap pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional. Jika dipandang dari sudut positif, kajian ini sangat diperlukan bagi memantapkan pelaksanaan sekolah dalam mengendalikan masa instruksional guru yang merupakan nadi bagi kecemerlangan sesebuah sekolah.

Semoga dengan adanya kajian ini, keprihatinan guru besar dapat ditingkatkan dalam melaksanakan program melindungi masa instruksional agar hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memastikan keberadaan guru di sekolah dan di dalam bilik darjah agar dapat meningkatkan keberhasilan pengajaran murid dengan menitikberatkan keberkesanan pengajaran itu dapat dilaksanakan.

1.8 Skop dan Batasan kajian

Kajian ini mengumpulkan maklumat tentang persepsi guru terhadap pelaksanaan sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional bagi memberi kesan positif terhadap PdP . Soal selidik berkaitan aspek ini menggunakan soalan soal selidik yang dibina sendiri berdasarkan konstruk berkaitan pelaksanaan sekolah terhadap melindungi masa instruksional guru serta meneliti strategi yang digunakan oleh guru besar bagi melindungi masa instruksional di sekolah masing-masing.

Kajian ini melibatkan sekolah kebangsaan dalam daerah, Muar. iaitu sebanyak 11 buah sekolah kebangsaan (SK). Pemilihan ini dibuat berdasarkan jumlah sekolah di daerah ini dapat memberi satu dapatan yang tepat dan kebolehpercayaannya tidak meragukan. Daerah ini juga mempunyai sekolah gred A, B dan sekolah kurang murid yang mana ianya diperlukan dalam kajian ini. Jumlah ini dapat memastikan dapatan kajian dapat digeneralisasikan. Soal selidik yang diedarkan pula akan ditadbir oleh semua guru dari setiap sekolah yang dikaji. Hasil dapatan tersebut akan dibezakan mengikut jantina guru besar, bilangan guru di sekolah serta gred sekolah. Namun kajian ini tidak melihat perbezaan strategi berdasarkan umur, pengalaman, dan latar belakang pendidikan responden.

Kajian ini mengumpulkan maklumat tentang tahap pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional bagi memberi kesan positif terhadap PdP. Kepentingan pelaksanaan melindungi masa instruksional sebenarnya sangat besar. Walaubagaimanapun ianya tidak akan berjalan tanpa usaha yang mantap dan berterusan dari kalangan guru besar itu sendiri. Peranan mereka sebenarnya mencorak budaya kerja dan semangat kerja dalam kalangan guru. Pengurusan MMI yang berkualiti dapat memberi impak kepada pengajaran guru di dalam bilik darjah seterusnya menjamin keberkesanan PdP guru. Isu Melindungi masa instruksional yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terbentuk daripada kerangka konsep dan indikator “Kembali Kepada Yang Asas, Pemimpin Instruksional, Guru Mengajar dan Murid Belajar”. Soal selidik berkaitan aspek ini

menggunakan soalan soal selidik yang dibina sendiri berdasarkan konstruk berkaitan pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional serta meneliti strategi yang digunakan oleh guru Besar bagi melindungi masa instruksional di sekolah masing-masing. Soal selidik yang dibina adalah berdasarkan kerangka konsep dan Pelan Tindakan Melindungi Masa Instruksional yang dikemukakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2013.


1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka penting kepada pihak-pihak tertentu:

- 1.9.1 Kajian ini penting bagi Guru Besar mengenal pasti persepsi guru-guru tentang tahap pelaksanaan sekolah dalam melindungi masa instruksional.
- 1.9.2 Kajian ini penting bagi pihak PPD atau JPNJ mengenal pasti kewujudan pengurusan MMI yang dijalankan di sekolah.
- 1.9.3 Kajian ini penting bagi guru-guru mengetahui pelaksanaan sekolah yang perlu diberi perhatian sebagai langkah membantu pihak pengurusan sekolah bagi melindungi masa instruksional.
- 1.9.4 Kajian ini penting bagi pihak pentadbir sekolah mengenal pasti program dan tindakan yang perlu diberi penekanan dalam mematuhi dasar Melindungi Masa Instruksional.

1.10 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian adalah struktur kajian yang akan dijalankan. Kerangka konsep biasanya dibina oleh penyelidik untuk membuat penelitian tentang hubungan atau kajian antara satu konsep terhadap konsep yang lainnya dari masalah yang ingin dikaji. Kerangka konsep kajian digunakan untuk menghubungkan atau menjelaskan secara terperinci tentang suatu topik yang akan dibincangkan.



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 adalah kerangka konsep kajian ini. Kajian ini melihat tahap pelaksanaan sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional. Setiap aspek akan dinilai tahap pelaksanaannya dan kemudian akan diperhalusi terhadap program yang menyumbang ke arah pelaksanaannya terhadap dasar Melindungi Masa Instruksional. Kemudian strategi dalam Melindungi Masa Instruksional pula dikaji bagi mengukuhkan dapatan yang sebelumnya. Di akhir kajian dapat disimpulkan

tentang pelaksanaan sekolah yang memberi kesan terhadap Melindungi Masa Instruksional dan Strategi utama bagi menjayakan dasar tersebut.

1.11 Definisi Istilah

Definisi istilah melihat istilah yang berkaitan tajuk kajian mengikut konteks penggunaannya dalam kajian yang dijalankan. Di antara istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

1.11.1 Pelaksanaan Sekolah

Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Online) mendefinisikan “pelaksanaan” sebagai perihal atau perbuatan melaksanakan, menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan, tugas dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan merujuk kepada rancangan dan tindakan yang diambil oleh sekolah bagi memaksimumkan penggunaan waktu instruksional. Pelaksanaan dalam konteks kajian termasuklah pelaksanaan pengajaran yang dilihat bermula dari langkah set induksi sehingga langkah penutup sesuatu pengajaran serta pelaksanaan melindungi masa instruksional tersebut daripada gangguan. Selain itu, pelaksanaan dalam kajian ini juga dilihat sebagai aktiviti yang dijalankan seperti mana yang telah dirancangkan iaitu pelaksanaan sekolah berdasarkan Pelan Tindakan MMI yang telah digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.11.2 Masa Instruksional

Masa untuk pembelajaran secara berkesan dan dicapai oleh sekolah. Terdapat beberapa kategori masa instruksional iaitu masa persekolahan (*Allocated schooling*

time), masa bilik darjah (*Allocated class time*), masa instruksional dan masa pembelajaran akademik (*Academic learning time*) (Levin dan Tsang, 1987). Dalam konteks kajian ini, masa instruksional adalah masa pembelajaran murid belajar secara berkesan yang dirancang dan dicapai oleh sekolah. Ini bermakna sekiranya 30 minit ditetapkan sebagai masa kelas sekolah harus memastikan murid belajar secara optimum dalam masa berkenaan sama ada dengan kehadiran guru atau tanpa kehadiran guru (Sufa'at Tumin, 2013)

1.11.3 Melindungi Masa Instruksional

Dalam konteks kajian ini, melindungi masa instruksional adalah mengurangkan gangguan bagi mengelakkan sesi pengajaran tidak berlangsung seperti yang dirancang dan memastikan kualiti instruksional yang menjamin pembelajaran bermakna atau pembelajaran berkesan dalam kalangan murid yang dilaksanakan oleh guru (Sufa'at Tumin, 2013). Selain itu, Melindungi Masa Instruksional juga satu tindakan bagi meningkatkan masa pembelajaran akademik dengan mengurangkan gangguan masa instruksional.

1.11.4 Strategi Melindungi Masa Instruksional

Strategi perkataan bahasa inggeris yang sinonim dengan perkataan taktik, muslihat, siasah, rancangan dan perencanaan. Strategi bermaksud satu rancangan yang teratur (yang mengambil kira pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Dalam konteks kajian, strategi merupakan program yang dilaksanakan oleh pihak sekolah dalam usaha melindungi masa instruksional mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu “Kembali Kepada Asas: Pemimpin instruksional, guru mengajar dan murid belajar”. Setiap strategi yang dirancang adalah menjurus kepada program yang dapat mengurangkan atau dapat mengelakkan berlakunya gangguan masa instruksional.

1.12 Penutup

Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji persepsi guru tentang pelaksanaan sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional di beberapa buah sekolah terpilih di daerah Muar. Aspek yang dikaji adalah, pengurusan dan pentadbiran MMI yang dilaksanakan oleh Guru Besar, amalan penerapan kepimpinan instruksional, keberkesanan guru mengajar dan sejauhmana murid itu belajar di dalam kelas. Aspek-aspek ini perlu dijana dalam pelaksanaan sekolah bagi melindungi masa instruksional. Di harap kajian ini dapat mengenal pasti pelaksanaan sekolah dalam Melindungi Masa Instruksional berdasarkan jantina Guru Besar, bilangan kedudukan guru di sekolah dan gred sekolah agar *touch point* Kementerian Pelajaran tahun 2012 iaitu melindungi masa instruksional akan dibuktikan pelaksanaannya.

RUJUKAN

- Abas Awang, Abdullah Ngah (2007). *Latar Belakang dan Isu Berkaitan Kepimpinan Instruksional*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan : Teori Analisis dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing
- Azlin Norhaili Mansor (2007). *Amalan Pengurusan Pengetua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Memperkasa Kepimpinan Instruksional di Sekolah* .
- Bitty Salwana Alias, Ahmad Basri Md. Yusof, Ramlee Mustapha & Mohammed Sani Ibrahim (2010). *Analisis Kompetensi Pengetua Berdasarkan Kualiti Peribadi, Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Dalam Bidang pengurusan Sekolah Menengah Malaysia*. Jurnal Pendidikan Malaysia.
- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan : Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur. MacGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- David C. Berliner (1990). *What's All the Fuss About Instructional Time ?*. Arizona State University.
- Gage, N.L., O Berniller, D. C (1984). *Educational Psychology, (3rd Edition)*. Boston: Houghton Mifflin.
- Ghazali bin Kassim (2013). *Melindungi Masa Instruksional di Sekolah Untuk Meningkatkan Keberhasilan Pembelajaran Murid*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Graeber, A., Caldwell, J. and Huitt, W. (1982). *Leader's Guide for Student Engaged Time revised edition*. Philadelphia, Pa: Research fpr Better Schools, Ins.
- Hallinger, P. & Murphy, J. (1986). *Instructional Leadership in Effective Schools*.
- Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Amalan-amalan Terbaik Pengurusan dan Kepimpinan Menengah*. Genting Highland: Institut Aminuddin Baki.
- James Ang Jit Ang & Balasandran Ramiah (2012). *Kepimpinan Instruksional*. Kuala Lumpur : PTS Akademia Publishing.
- James Ang Jit Eng, Abdul Razak bin Alias (2013). *Kepimpinan Instruksional*. Pahang : Institut Aminuddin Baki
- Kamaruzzahrin Moidunny.blogspot.com/2012

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2007). *Memperkasa Kepimpinan Instruksional di Sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Melindungi Masa Instruksional*
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Tindakan MMI*
- Lim Teh Eng (1986). Pentadbiran Sekolah dan Peranan Guru Besar. *Jurnal Kementerian Pelajaran Malaysia*, 30(68): 1-9
- Mishah bt. Hussein, Hajah Naemah bt Ali, Haja Fadzilah bt. Abdul Rahman, Siti Rozita bt. Yahya (2007). *Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Cemerlang*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). *Rekabentuk Soal Selidik Pendidikan*. Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Suhaimi Mohamed Ali, Abd Munir Mohd Rashid, Nadimin Abdul Aziz (2013). *Pemerhatian Guru Meninggalkan Bilik Darjah Semasa Proses Pembelajaran dan Pengajaran*. Kuala Lumpur : Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Mook Soon Sang (2003). *Ilmu Pendidikan untuk KPLI*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Normah Mohamed Razali (2007). *Gangguan Masa Instruksional. Satu Kajian Kes di Sebuah Sekolah Menengah di Daerah Pasir Gudang*. Skudai : Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)
- Phoon Ai Ling (2009). *Peranan Guru Besar Dalam Pelaksanaan ICT di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Daerah Kulai Selatan*. Skudai : Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia
- Siti Aminah Ibrahim (2013). *Guru Mengajar Murid Belajar*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sobirin Duli, Hajah Norbi bin Haji Husin, Haji Mahmud bin Omar, Haji Jamaluddin bin Mat (2007). *Kepimpinan Instruksional Satu Pandangan Menyeluruh*.Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Sufa'at Tumin (2013). *Melindungi Masa Instruksional di Sekolah Untuk Meningkatkan Keberhasilan Pembelajaran Murid*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 2/1987
- www.kgmmb.net
- www.psea.org
- Zakaria bin Othman (2013). *DOS (Do Something)(JANGAN DUDUK SAHAJA)*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.